

Pelanggan Yang Dihormati,

Adalah menjadi tanggungjawab sosial kami untuk menerangkan lebih lanjut tentang pengumuman rangsangan ekonomi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai Bantuan Kewangan atau Moratorium yang ditawarkan oleh Maybank.

Soalan lazim di bawah ini mungkin boleh membantu pemahaman anda untuk persoalan yang timbul serta beberapa cadangan langkah yang boleh dilakukan.

Hubungi kami :

- Talian Khidmat Bantuan Pelanggan : 1300 88 6688 , tekan *1 untuk moratorium
- Emel : mgcc@maybank.com.my

Maybank bersedia meringankan bebanan kewangan anda dalam tempoh yang mencabar ini. Jaga keselamatan dan kesihatan anda.

SOALAN LAZIM MORATORIUM UNTUK PELANGGAN INDIVIDU (DIKEMASKINIKAN PADA 1 MEI 2020)

No	Soalan	Jawapan
Soalan Umum mengenai Moratorium / Penangguhan Pinjaman/Pembiayaan		
1	Apakah 'moratorium'?	Moratorium adalah 'penangguhan'. Oleh itu, peminjam / pembiaya boleh menangguhkan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan mereka ke satu tarikh lain.
2	Apakah yang dimaksudkan dengan pengumuman BNM berkenaan moratorium kepada peminjam/ pembiaya?	Moratorium 6 bulan secara automatik akan dibenarkan untuk pinjaman/pembiayaan dalam denominasi Ringgit Malaysia bagi pelanggan Konvensional dan Islamik Individu dan Pengusaha Kecil dan Sederhana, PKS (kecuali Pinjaman/pembiayaan-i Sewa Beli, Kad Kredit, Kad Kredit Ikhwan, Kad Caj dan Kad Korporat), yang tidak mempunyai baki tunggakan lebih daripada 90 hari pada 1 April 2020. Semasa tempoh ini, pembayaran balik untuk pinjaman/pembiayaan yang layak ditangguhkan selama 6 bulan sehingga 1 Oktober 2020.
3	Bilakah tarikh permulaan moratorium?	Moratorium akan bermula secara automatik bermula 1 April hingga 30 September 2020.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
4	Apakah jenis pinjaman /pembiayaan yang layak untuk penangguhan moratorium automatik ini?	<p>Pinjaman/pembiayaan yang layak:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman/pembiayaan-i Hartanah Maybank • Pinjaman/pembiayaan-i Peribadi Maybank • Overdraf / <i>Cash Line</i>-i Maybank • Pinjaman/pembiayaan-i ASB Maybank • Pinjaman/pembiayaan-i Pendidikan Maybank • Pinjaman/pembiayaan-i PKS Maybank <p>Tidak termasuk Pinjaman/Pembiayaan-i Sewa Beli, Kad Kredit, Kad Kredit Ikhwan, Kad Caj dan Kad Korporat, Kredit Lombard dan Overdraf yang dijamin oleh saham & stok.</p>
5	Adakah saya akan dikenakan caj faedah/keuntungan tambahan untuk jumlah pembayaran balik dalam tempoh 6 bulan penangguhan?	<p>Untuk pinjaman/pembiayaan konvensional dan Islamik, kadar faedah/kadar keuntungan akan terus dicaj ke atas baki <u>pinjaman/pembiayaan</u> dan akan diakru dalam tempoh ini.</p> <p>Walaubagaimanapun, kadar faedah/ kadar keuntungan tidak akan dikompaun/digandakan cth: Kadar faedah/keuntungan tidak akan dicaj ke atas faedah/keuntungan yang telah diakru bagi tempoh 6 bulan penangguhan.</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan peribadi dengan kadar rata, kadar faedah/kadar keuntungan tidak akan berubah dan tidak ada kadar faedah/keuntungan tambahan terhadap amaun ansuran yang ditanggung.</p>
6	Akaun saya ketika ini terdapat 2 bulan tunggakan pada 1 April 2020. Adakah rekod CCRIS saya akan melaporkan 2 bulan tunggakan, atau tiada tunggakan ketika tempoh 6 bulan moratorium?	<p>Status akaun anda pada 1 April 2020 kekal tidak berubah sewaktu tempoh moratorium.</p> <p>Sebagai contoh, status akaun tersebut kekal dengan 2 bulan tunggakan untuk rekod CCRIS anda sehingga 30 September 2020. Kecuali, jika anda memilih untuk membayar tunggakan tersebut; atau pinjaman/pembiayaan yang telah dijadualkan semula dan distrukturkan, sewaktu di dalam tempoh moratorium.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
Syarat Penangguhan Moratorium Automatik		
7	Adakah saya layak?	<p>Anda layak secara automatik jika pinjaman/pembiayaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak mempunyai tunggakan lebih daripada 90 hari pada 1 April 2020; dan • dalam denominasi Ringgit Malaysia <p>Secara khususnya, pinjaman/pembiayaan dalam denominasi mata wang asing tidak layak untuk menikmati moratorium secara automatik.</p> <p>Namun yang demikian, anda boleh memohon untuk penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman / pembiayaan dalam denominasi mata wang asing tersebut, yang mungkin juga termasuk pembayaran /pembiayaan balik moratorium.</p> <p>Anda boleh memohon dan menghantar emel ke “<i>Early Care Centre</i>” kami di ecc@maybank.com. Permohonan ini tertakluk pada kelulusan dari pihak Bank.</p>
8	Adakah saya layak untuk sertai Moratorium ini, jika saya bukan seorang Warganegara Malaysia?	Sila rujuk jawapan bagi soalan nombor 7.
9	Perluakah saya memohon untuk moratorium ini?	Anda tidak perlu memohon jika pinjaman/pembiayaan anda memenuhi kelayakan yang ditetapkan.
10	Pinjaman/pembiayaan saya mempunyai tunggakan selama 90 hari. Adakah saya layak untuk moratorium secara automatik?	<p>Situasi 1: Tunggakan selama <u>90 hari pada 1 April 2020</u> Anda secara automatik layak.</p> <p>Situasi 2: Tunggakan <u>melebihi 90 hari</u> Untuk melayakkan anda, sila langsaikan tunggakan pada atau sebelum 1 April 2020 untuk menikmati moratorium automatik ini yang hanya dibenarkan untuk pinjaman/pembiayaan yang tidak mempunyai tunggakan melebihi 90 hari.</p>
11	Saya mempunyai beberapa pinjaman/ pembiayaan dan salah satu darinya mempunyai tunggakan. Adakah pinjaman/ pembiayaan tersebut layak untuk moratorium ini?	Kelayakan moratorium adalah untuk setiap akaun pinjaman/ pembiayaan.

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
12	Bolehkah peminjam dengan pinjaman /pembiayaan yang diluluskan selepas 1 April 2020 menikmati moratorium automatik ini?	<p>Untuk pinjaman/pembiayaan baharu yang telah diluluskan atau dikeluarkan pembayaran selepas 1 April 2020, moratorium tidak akan menjadi automatik dan ianya tertakluk pada penilaian dan kelulusan pihak Bank.</p> <p>Anda boleh membuat permohonan melalui <i>Early Care Centre</i> kami dengan menghantar emel ke ecc@maybank.com.</p> <p>Penilaian tertakluk pada <u>terma</u> berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak mempunyai tunggakan lebih daripada 90 hari <u>pada</u> 1 April 2020; dan • dalam denominasi Ringgit Malaysia
13	Adakah <u>perlu</u> terdapat baki <u>pinjaman</u> <u>pembiayaan</u> atau baki tempoh minimum untuk layak menyertai moratorium ini?	Tidak terdapat baki <u>pinjaman/pembiayaan</u> atau baki tempoh minimum untuk memenuhi syarat moratorium automatik ini.
14	Pinjaman/pembiayaan saya telah distruktur dan dilakukan penjadualan semula sebelum 1 April 2020. Adakah saya masih layak untuk menikmati moratorium ini?	<p>Ya, pinjaman/pembiayaan yang <u>telah</u> distruktur dan dilakukan penjadualan semula layak untuk moratorium dengan syarat memenuhi kriteria di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • tidak mempunyai tunggakan lebih daripada 90 hari pada tarikh 1 April 2020; dan • dalam denominasi Ringgit Malaysia
15	Saya kini berdaftar di bawah program AKPK. Adakah saya layak untuk menikmati penangguhan moratorium automatik ini?	<p>Ya, anda layak. Namun anda dinasihati untuk menghubungi AKPK dan berbincang mengenai pilihan yang tersedia untuk peminjam/pelanggan di bawah program AKPK.</p> <p>Jika anda membayar terus kepada pihak Bank, sila emel ke <i>Early Care Centre</i> di ecc@maybank.com untuk bantuan lanjut.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
Pilihan Untuk Keluar Dari Moratorium Automatik		
16	Sekiranya saya <u>tidak berhasrat</u> untuk turut serta moratorium automatik ini, apakah tindakan yang perlu saya lakukan?	<p>Jika anda tidak berhasrat untuk turut serta dalam moratorium ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda boleh meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda seperti biasa • jika anda mempunyai arahan tetap/arahan auto debit akaun Maybank-untuk pembayaran pinjaman/ pembiayaan Maybank anda, sila klik di sini untuk log masuk ke Maybank2u dan mengisi borang. Ini adalah untuk mengelakan arahan tetap/arahan auto debit anda tidak digantung. <p>Jika anda tidak mempunyai akaun Maybank2u, sila klik di sini untuk maklumat mengenai cara mendaftar dalam talian.</p>
17	Saya mempunyai beberapa pinjaman/ pembiayaan dan tidak berhasrat untuk turut serta moratorium automatik bagi semua pinjaman/pembiayaan saya. Apa perlu saya lakukan?	<p>Untuk pinjaman/pembiayaan khusus di mana anda tidak berhasrat untuk turut serta moratorium automatik ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • anda boleh meneruskan pembayaran ansuran bulanan seperti biasa. • jika anda mempunyai arahan tetap/arahan auto debit akaun Maybank-untuk pembayaran pinjaman/pembiayaan Maybank anda, sila klik di sini untuk log masuk ke Maybank2u dan mengisi borang. Ini bertujuan agar arahan tetap/arahan auto debit anda tidak akan digantung. <p>Untuk pinjaman/pembiayaan khusus yang ingin didaftarkan untuk moratorium ini, anda tidak perlu melakukan apa-apa kerana pendaftaran adalah secara automatik.</p> <p>Jika anda tidak mempunyai akaun Maybank2u, sila klik di sini untuk maklumat mengenai cara mendaftar dalam talian.</p>
18	Bolehkah saya pilih untuk keluar selepas moratorium ini telah berkuatkuasa? Cth: selepas 1 April 2020?	<p>Ya . Boleh. Sila rujuk jawapan Soalan No. 16</p> <p>Anda dinasihatkan untuk mengaktifkan kembali arahan tetap/arahan auto debit anda dengan pihak Bank, atau arahan pembayaran berulang di Maybank2u untuk meneruskan pembayaran/pembiayaan akaun tersebut.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
19	Adakah saya boleh memohon untuk turut serta kembali moratorium ini selepas memilih untuk keluar?	<p>Anda diminta untuk menghantar emel ke <i>Early Care Centre</i> kami di ecc@maybank.com untuk bantuan-</p> <p>Permohonan tertakluk pada kelulusan pihak Bank dan mesti dilakukan dalam tempoh 6 bulan moratorium.</p>

Berkaitan Pembayaran

20	Pembayaran saya kini dilakukan melalui arahan tetap. Adakah pihak bank memerlukan kebenaran saya untuk membatalkan arahan tetap ini? Atau ia akan dilakukan secara automatik?	<p>Situasi 1: Arahan tetap dari akaun simpanan/semasa Maybank ke pinjaman/pembiayaan Maybank</p> <p>Penggantungan akan dilakukan secara automatik.</p> <p>Situasi 2: Arahan tetap dari akaun simpanan/semasa Maybank ke pinjaman/pembiayaan Bank lain.</p> <p>Anda haruslah memohon untuk melakukan pengantungan tersebut.</p>
21	Akaun saya mempunyai arahan tetap dari bank lain. Adakah pihak Maybank akan memberitahu pihak bank lain tersebut untuk memberhentikan arahan tetap, jika saya berhasrat untuk turut serta Moratorium ini?	Pemakluman mengenai penggantungan arahan tetap/ auto debit tersebut perlu dilakukan oleh anda kepada pihak Bank.
22	Apakah yang akan terjadi kepada pembayaran berulang saya di Maybank2u jika saya memilih untuk turut serta Moratorium ini?	<p>Pembayaran berulang anda di Maybank2u untuk pinjaman/pembiayaan anda yang ditangguh akan digantung secara automatik dan akan <u>disambung kembali</u> secara automatik pada Oktober 2020.</p> <p>Tempoh pembayaran semula akan ditetapkan mengikut tempoh penangguhan.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

No	Soalan	Jawapan
23	Jika saya memilih untuk <u>menamatkan moratorium</u> ini sebelum 30 September 2020, adakah saya perlu menetapkan semula pembayaran berulang saya di Maybank2u?	<p>Sila turuti langkah-langkah di bawah ini:</p> <p>Langkah 1: Batalkan pembayaran berulang bagi pinjaman/pembiayaan yang anda tidak mahu turut serta.</p> <p>Langkah 2: Tetapkan semula pembayaran berulang yang baharu untuk akaun pinjaman/pembiayaan tersebut.</p> <p>Klik di sini untuk maklumat lanjut mengenai tatacara untuk membatalkan dan mengeset semula pembayaran berulang di Maybank2u.</p>
24	Bolehkah saya mengeluarkan wang dari KWSP saya untuk membayar pinjaman /pembiayaan hartanah saya?	Ya, anda boleh, tertakluk pada garis panduan pihak KWSP.
25	Seandainya pinjaman /pembiayaan saya mempunyai lebih pembayaran, bolehkah saya mengeluarkan lebih tersebut dalam tempoh moratorium?	<p>Ya, tertakluk pada kelulusan pihak Bank.</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan peribadi, anda boleh memohon untuk bayaran balik ke atas lebih pembayaran tersebut dan ia akan diproses mengikut Perjanjian Tahap Perkhidmatan (SLA).</p>
26	Berapakah jumlah amaun ansuran baharu saya selepas tamat tempoh moratorium ini?	<p>Dengan penangguhan ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pinjaman/Pembiayaan yang telah diluluskan pengeluaran <u>SEBELUM</u> 1 April 2020, tempoh pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan secara automatik selama 6 bulan. Amaun ansuran anda tidak akan berubah kecuali terdapat penilaian semula atau perubahan terhadap Kadar Asas / Kadar Pinjaman Asas / Kadar Pembiayaan Asas. <p>Sekiranya anda ingin <u>mengekalkan tempoh pinjaman/pembiayaan</u> anda, amaun ansuran akan bertambah. Sila emel ke <i>Early Care Centre</i> kami di ecc@maybank.com atau hubungi Talian Khidmat Bantuan Pelanggan kami di 1300 88 6688 untuk maklumat lanjut.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

		<ul style="list-style-type: none"> Pinjaman/Pembiayaan yang diluluskan pengeluaran SELEPAS 1 April 2020 adalah tidak layak untuk moratorium automatik ini. <p>Bagi pinjaman/pembiayaan peribadi dengan kadar rata, amaun ansuran akan kekal tidak berubah walaupun untuk pembayaran terakhir. Anda boleh menghubungi kami untuk penyelesaian awal jika anda memilih untuk membayar dengan lebih awal.</p>
27	<p>Ketika ini, pinjaman/pembiayaan saya telah berada di tempoh yang maksimum:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pinjaman/pembiayaan perumahan (35 tahun) Pinjaman/pembiayaan peribadi (6 tahun) <p>Bolehkah pinjaman saya dilanjutkan kerana moratorium ini akan menangguhkan pembayaran saya selama 6 bulan?</p>	<p>Ya, <u>tempoh</u> pinjaman boleh dilanjutkan bagi pinjaman/pembiayaan di bawah moratorium automatik dan hanya untuk tempoh maksimum 6 bulan.</p>

Lain-lain

28	<p>Adakah pinjaman/pembiayaan Hartanah di bawah arahan pelepasan progresif (untuk perumahan yang masih dalam pembinaan) turut layak untuk moratorium automatik ini?</p>	<p>Ya, pinjaman/pembiayaan di bawah pelepasan progresif juga layak untuk moratorium automatik ini. Faedah progresif bulanan akan terkumpul sepanjang tempoh moratorium ini. Namun yang demikian kadar faedah/keuntungan sebelum 31 March 2020 mestilah diselesaikan dahulu dan tidak akan terkumpul.</p>
29	<p>Adakah pengurangan Overdraf saya akan ditangguhkan semasa tempoh moratorium?</p>	<p>Ya, program pengurangan Overdraf akan ditangguhkan untuk 6 bulan sehingga 30 September 2020.</p>
30	<p>Apa yang boleh dilakukan jika saya masih memerlukan bantuan selepas tempoh moratorium ini berakhir?</p>	<p>Anda boleh terus menghubungi kami untuk penstrukturan dan penjadualan semula selepas tempoh moratorium.</p> <p>Sila hubungi pihak <i>Early Care Centre</i> kami di ecc@maybank.com untuk bantuan.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.

31	<p>Bagaimana penangguhan pembayaran ini akan memberi kesan ke atas kelayakan saya untuk memohon pinjaman /pembiayaan yang baharu di masa hadapan?</p>	<p>Tidak akan ada sebarang kesan. Anda boleh memohon pinjaman/pembiayaan baharu seperti biasa.</p>
32	<p>Apabila tiada pembayaran sepanjang tempoh moratorium ini, adakah akaun saya akan dikenakan Kadar Tertunggak (<i>Default Rate</i>)?</p>	<p>Tiada kadar tertunggak akan dikenakan sepanjang tempoh moratorium.</p> <p>Akan tetapi, jika akaun anda mempunyai tunggakan selama 3 bulan dalam tempoh moratorium dan anda gagal untuk membuat pembayaran ansuran seterusnya selepas tempoh moratorium, maka kadar tertunggak akan dikenakan.</p>

Soalan lazim ini tertakluk kepada perubahan dari pihak bank. Jika terdapat sebarang maklumat terkini, kami akan memuat naik kemas kini melalui Maybank2u.